

## MEMPERKASAKAN ASPEK PENJAGAAN KANAK-KANAK MELALUI BANTUAN KEWANGAN MAMPU MENINGKATKAN PENYERTAAN IBU BEKERJA DALAM PASARAN BURUH

Suhaida binti Mohd Amin  
Fakulti Pengurusan dan Perniagaan, UiTM Cawangan Melaka  
Email: suhaida294@uitm.edu.my

Mohd Faizal bin P. Rameli  
Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS), UiTM Cawangan Melaka  
Email: faizal061@uitm.edu.my

### ABSTRAK

*Mencari nafkah untuk keperluan isi rumah lazimnya merupakan peranan bapa sebagai ketua keluarga. Walau bagaimanapun, peningkatan kos hidup, peningkatan tahap pendidikan wanita dan bertambahnya alat bantu berteknologi telah meningkatkan penyertaan wanita dalam pasaran buruh. Justeru, kadar penyertaan wanita di pasaran buruh Malaysia dilihat meningkat, namun kadarnya agak perlahan iaitu 44.5 % pada tahun 1982 ke 45.7% pada tahun 2008. Kadar ini meningkat dengan lebih baik pada tahun 2009 dan telah mencapai 55.3% pada tahun 2020. Namun, kadar tersebut sebenarnya masih rendah jika dibandingkan dengan kadar penyertaan wanita di negara-negara maju dan juga beberapa negara sedang membangun. Sejak Rancangan Malaysia Ke-2 sebenarnya, pelbagai usaha telah kerajaan lakukan untuk memperkasakan peranan wanita dalam pasaran buruh. Antaranya ialah majikan digalakkan menyediakan pusat penjagaan kanak-kanak di tempat kerja atau di kawasan berhampiran bagi menyokong keperluan wanita berkahwin yang mempunyai anak. Ini kerana, banyak kajian menyatakan ramai wanita berhenti kerja apabila berhadapan kesukaran menguruskan penjagaan anak selain kos penjagaan anak yang relatifnya semakin mahal. Sehubungan itu, kajian kuantitatif ini bertujuan mengkaji sejauhmana responden berhadapan dengan isu akses ke tempat penjagaan dan kos penjagaan kanak-kanak. Soal selidik yang diedarkan secara atas talian kepada 362 ibu bekerja di seluruh Malaysia mendapati 55.8% masih berhadapan kesukaran mencari tempat penjagaan di kawasan kediaman dan 61.3% bermasalah mendapatkan tempat penjagaan kanak-kanak di kawasan tempat mereka bekerja. Selain itu, 62.7% menyatakan bahawa kos penjagaan kanak-kanak yang tinggi merupakan cabaran besar untuk mereka terus berada di pasaran buruh. Nilai min (4.29), median (4.33) dan mod (5.00) yang tinggi menjelaskan bahawa bantuan kewangan akan meringankan beban kos yang mereka hadapi. Dengan membantu mengurangkan kos yang perlu ditanggung, wanita boleh terus menyumbang kepada ekonomi negara dan mampu kekal berada dalam pasaran buruh. Justeru, usaha bersepadu dari pelbagai agensi diperlukan untuk menyokong usaha kerajaan dalam meningkatkan kadar penyertaan wanita sebanyak 59.0% menjelang akhir Rancangan Malaysia ke-12. Untuk kajian akan datang, pengkaji perlu melihat bentuk bantuan kewangan bagaimanakah yang paling efektif dan berkesan, yang boleh membantu usaha ke arah memperkasakan wanita dan meningkatkan penglibatan wanita dalam pasaran buruh.*

Kata Kunci : penjagaan kanak-kanak, bantuan kewangan, penyertaan pasaran buruh

### 1.0 PENGENALAN

Aspek memperkasakan wanita merupakan salah satu agenda yang disasarkan di bawah Matlamat Pembangunan Milenium (*Millennium Development Goals*, MDGs) untuk tempoh 2000 hingga 2015 (United Nations Development Programme, 2015). Bagi tempoh 2016-2030, agenda yang sama melibatkan 193 buah negara di dunia telah diteruskan dalam Matlamat Pembangunan Lestari (*Sustainable Development Goals*, SDGs). Di bawah SDG yang ke 5, sasaran yang ditetapkan adalah untuk meningkatkan kesaksamaan gender agar wujud masyarakat yang seimbang (United Nation, 2021).

Di Malaysia, agenda memperkasakan wanita bukanlah perkara yang baru. Ia telah digerakkan sekian lama agar seiring dengan apa yang direncanakan di peringkat global. Pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970 merupakan titik mula ke arah usaha meningkatkan penglibatan wanita terutamanya dalam sektor ekonomi di Malaysia. Dasar pendidikan negara juga turut memberi peluang pendidikan yang lebih meluas tanpa mengira kaum dan jantina (Siti Rohani, 1994).

Dalam pasaran buruh, lelaki dan wanita mempunyai peranan yang penting dan saling melengkapi. Namun, walaupun peluang penyertaan oleh kedua-dua jantina di pasaran buruh adalah sama, statistik menunjukkan bahawa penyertaan lelaki jauh lebih tinggi berbanding penyertaan wanita di hampir semua negara di dunia, termasuk Malaysia. Pada tahun 2020, kadar penyertaan lelaki adalah 80.6% berbanding wanita cuma 55.3% (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Justeru, salah satu aspek dalam usaha untuk memperkasakan wanita adalah dengan meningkatkan penglibatan wanita dalam pasaran buruh.

Statistik menunjukkan, kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh di Malaysia masih rendah berbanding beberapa negara jiran. Kadar penyertaan wanita pada tahun 2019 di Vietnam, Singapura dan Thailand adalah lebih tinggi iaitu masing-masing pada 73.0%, 62.0% dan 59.0% (International Labour Organization, 2021). Antara faktor yang dibincangkan susulan kadar penyertaan yang rendah ini ialah kesukaran ibu bapa mendapatkan akses kepada pusat jagaan kanak-kanak yang menepati ciri-ciri yang diperlukan. Kebanyakan pusat jagaan tertumpu di kawasan bandar atau di tempat tumpuan penduduk, menyebabkan ia mungkin jauh dari tempat kerja ataupun rumah ibu yang bekerja.

Selain itu, kos penjagaan anak didapati relatifnya mahal sedangkan sistem sokongan dan bantuan kewangan masih berada di tahap rendah dan tidak meluas. Keadaan ini menyebabkan tempat jagaan kanak-kanak yang tidak berdaftar dan lebih murah menjadi pilihan ibu bapa, sedangkan media melaporkan banyak kes pengabaian dan kecederaan anak berlaku di tempat tidak berdaftar ini.

Justeru, artikel ini bertujuan mendapatkan maklumat dan pandangan ibu bekerja mengenai akses mereka ke tempat penjagaan kanak-kanak samada di kawasan tempat mereka bekerja ataupun berhampiran kawasan kediaman. Selain itu, aspek kos penjagaan kanak-kanak tinggi, yang sering dikaitkan dengan isu utama dalam menguruskan penjagaan kanak-kanak sewaktu ibu keluar bekerja, akan turut dikupas. Akhir sekali, artikel ini akan meninjau pandangan responden sejauhmana bantuan kewangan dapat membantu pengkalan dan peningkatan kadar penyertaan wanita dalam pasaran buruh di Malaysia.

## 2.0 KAJIAN LITERATUR

### 2.1 Penyertaan Wanita Dalam Pasaran Buruh

Kajian sejak puluhan tahun mendapati, faktor-faktor yang mempengaruhi kadar penyertaan wanita di pasaran buruh adalah berbeza-beza. Namun, walaupun berbeza lokasi dan tempoh, faktor-faktor yang mempengaruhi penyertaan wanita di pasaran buruh masih lagi berkait rapat dengan faktor ekonomi dan faktor sosial (Mahoney, 1961; Spencer, 1973; Diah, 1998; Hotchkiss, 2005; Ahmad & Hafeez, 2007; Faridi et al., 2009; Mohd Amin et al., 2017; Zaid et al., 2020).

Diantara faktor yang dikaitkan dengan faktor yang menentukan penyertaan wanita dalam pasaran buruh adalah latar belakang pendidikan (Noor Rahamah, 2007; Bibi & Afzal, 2012), status pekerjaan suami (Van Der Klaauw, 1996; Yamamura & Mano, 2010) dan jumlah pendapatan isi rumah (Faridi et al., 2009; Ismail & Sulaiman, 2014; Agusta & Ghuzini, 2020).

Bagi wanita yang telah berkahwin, pilihan sama ada untuk bekerja atau tidak bekerja turut dipengaruhi oleh faktor kehadiran anak dalam keluarga, bilangan anak dan umur anak (Becker, 1974; Hotchkiss et al., 2008; Ismail & Sulaiman, 2014; Mohd Amin et al., 2018). Wanita berkahwin yang belum atau tidak mempunyai anak lebih cenderung untuk bekerja, manakala bilangan anak yang ramai dan perlu diuruskan kerana masih kecil menjadi sebab sebahagian wanita keluar dari pasaran buruh.

Aspek penjagaan anak merupakan aspek yang mempengaruhi pilihan ibu samada bersedia untuk menyertai pasaran buruh mahupun sebaliknya (Jayachandran, 2021; Vu et al., 2021). Ini kerana, ibu bapa hanya akan selesa untuk keluar bekerja jika yakin anak mereka dijaga ditempat yang selamat, dan menepati ciri-ciri yang diperlukan. Akses dan kos penjagaan kanak-kanak yang mampu ditanggung akan menjadi pengukur untuk memilih tempat penjagaan anak mereka.

### 2.2 akses ke tempat penjagaan kanak-kanak

Salah satu faktor penentu ketersediaan wanita berada di pasaran buruh adalah dengan adanya tempat penjagaan anak yang mereka harapkan. Du & Dong (2013) mendapati bahawa ketersediaan servis penjagaan anak mempunyai hubungan positif dengan penyertaan tenaga kerja ibu dalam pasaran buruh. Ini bermakna, sekiranya penjagaan anak tidak tersedia, jumlah ibu yang terlibat dalam tenaga kerja akan berkurangan.

Ciri-ciri perkhidmatan penjagaan kanak-kanak seperti ketersediaan, akses dan kualiti penjagaan merupakan penentu penting dalam penggunaan perkhidmatan. Oleh itu, kesukaran untuk mengakses penjagaan anak termasuk waktu beroperasi yang tidak memenuhi keperluan ibu bapa, memberi masalah kepada ibu bapa yang perlu bekerja (Janta, 2014).

Lokasi penjagaan anak agak jauh, sama ada dari tempat tinggal ataupun dari tempat bekerja, ibu bapa memerlukan masa untuk mengambil dan menghantar anak. Jika ibu bapa yang menghantar anak terlambat sampai tempat bekerja, ia boleh mengganggu prestasi kerja (OECD, 2018). Ini bermakna, akses ke tempat jagaan kanak-kanak juga menjadi aspek yang dinilai bagi membolehkan ibu bapa keluar bekerja.

Bagi keluarga yang berpendapatan rendah, mereka menghadapi halangan untuk mengakses ke tempat penjagaan anak kerana kekangan sumber kewangan. Mereka turut menyatakan tidak mampu memenuhi keperluan penjagaan anak yang pelbagai dan melibatkan kos yang tinggi seperti adanya elemen keselamatan, pendidikan dan berkualiti di tempat penjagaan anak masing-masing (Leila Schochet, 2019).

Justeru, dapat disimpulkan di sini bahawa, akses ke tempat jagaan kanak-kanak bukan sekadar pengukuran jarak ke lokasi. Ia juga melibatkan ketersediaan ibu bapa untuk menghantar anak-anak termasuklah bagi mendapatkan servis bersesuaian dengan keperluan kerja dan kehidupan mereka.

### 2.3 Kos penjagaan kanak-kanak

Kos penjagaan anak yang tinggi telah lama menjadi beban bagi kebanyakan keluarga (Workman, 2021). Untuk seseorang ibu menyertai pasaran buruh, mereka memerlukan seseorang untuk menjaga anak terutamanya yang masih kecil. Berbanding kanak-kanak yang lebih tinggi usianya; 4 tahun dan ke atas, perbelanjaan untuk kos penjagaan kanak-kanak yang berumur bawah tiga tahun mempunyai kesan yang lebih kuat dan positif terhadap perbelanjaan isirumah (Mohd Amin et al., 2016).

Pusat jagaan kanak-kanak yang berdaftar biasanya akan mengenakan bayaran yang lebih tinggi menyebabkan ia tidak mampu ditanggung oleh ibu bapa yang berpendapatan sederhana (Ngah & Halid, 2019). Kebanyakan pusat jagaan pula tertumpu di pusat bandar yang lazimnya menjadi lokasi tempat kerja ataupun lokasi berpenduduk padat. Namun kos penjagaan yang dikenakan adalah mahal dan agak membebankan untuk ditanggung (Ngah & Halid, 2019).

Terdapat pusat jagaan kanak-kanak yang mengenakan bayaran yang tinggi dan hanya mampu dibayar oleh kumpulan tertentu sahaja (Lokman, 2019); iaitu mereka yang berpendapatan agak tinggi. Ramai ibu bapa tidak mampu menghantar anak-anak mereka ke pusat jagaan berkualiti, menyebabkan mereka terpaksa menghantar anak ke pusat-pusat tidak berdaftar. Namun, media dan kajian melaporkan terdapat risiko yang tinggi apabila menghantar anak untuk dijaga di tempat tidak berdaftar (A. Ruban, 2018)

Tempat penjagaan anak yang berkualiti juga penting untuk mewujudkan rasa selesa dan selamat meninggalkan anak dalam jagaan orang lain apabila ibu keluar bekerja. Nisbah penjaga dengan kanak-kanak, tersedianya alat bantuan jika kecemasan dan adanya elemen pendidikan termasuk tersedianya ruang yang sesuai untuk semua kanak-kanak di pusat jagaan merupakan aspek yang menentukan kualiti pusat penjagaan kanak-kanak (DeBord, 1914). Namun, semuanya akan melibatkan kos servis yang tinggi dan tidak mampu di tanggung oleh semua wanita.

## 2.4 Bantuan kewangan untuk penjagaan kanak-kanak

Bagi keluarga dengan sumber kewangan yang terhad, penggunaan pendapatan yang besar untuk kos penjagaan kanak-kanak adalah membebankan (Pilarz, 2018). Jika tiada bantuan diberikan, ibu yang lazimnya lebih berperanan menguruskan anak-anak akan memilih untuk tidak bekerja kerana banyak sumber kewangan diperlukan untuk kos penjagaan. Justeru, bantuan kewangan seperti subsidi, pemotongan kadar cukai dan insentif yang diberikan oleh kerajaan di kebanyakan negara membolehkan ibu bapa keluar bekerja atau terlibat dalam aktiviti ekonomi yang lain. Dengan itu, ia dapat membantu keluarga membayar samada sebahagian atau semua kos perkhidmatan penjagaan anak (Forry et al., 2013).

Menyedari bahawa banyak wanita terpaksa memilih untuk meninggalkan pasaran buruh kerana faktor pengurusan anak-anak dan kos penjagaan yang tinggi, subsidi penjagaan anak diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia. Melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2007, kerajaan meluluskan bantuan subsidi untuk penjagaan anak (Mohd Amin, 2016). Namun jumlah bantuan adalah terhad dan hanya tertumpu pada kumpulan tertentu. Di bawah rancangan pemulihan ekonomi nasional Penjana, bantuan diberi kepada pengusaha pusat jagaan kanak-kanak bagi mengurangkan kos penyedia servis agar dapat menawarkan kos servis padan nilai yang berpatutan. Pengecualian cukai untuk yuran yang dibayar oleh ibu bapa kepada taska dan eVauchers untuk penggunaan perkhidmatan penjagaan anak turut disediakan (Bernama, 2020).

Pada masa ini, pandemik Covid 19 turut menyebabkan kenaikan kadar yuran penjagaan anak. Yuran menjadi lebih mahal kerana penyedia servis penjagaan kanak-kanak perlu menanggung kos operasi yang meningkat selain jumlah anak yang dihantar ke taska turut merosot (Sinar Harian, 2020; Workman, 2021). Walaupun jumlah bantuan dipertingkatkan oleh kerajaan, ia masih belum dapat mengatasi permasalahan kadar penyertaan wanita yang rendah dalam pasaran buruh.

## 3.0 METODOLOGI KAJIAN

Laporan Penyiasatan Tenaga Buruh Malaysia 2020 menunjukkan terdapat 5.83 juta wanita bekerja di Malaysia, 286.3 ribu menganggur dan 4.93 juta berada di luar tenaga buruh (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2021). Dari jumlah tersebut, 3.70 juta adalah wanita berkahwin, 208.9 ribu adalah balu dan 172.3 ribu telah bercerai. Namun tiada data yang menunjukkan jumlah wanita yang mempunyai anak. Berdasarkan populasi wanita bekerja yang berkahwin, kajian kuantitatif ini memerlukan seramai 384 wanita mempunyai anak sebagai sampel.

Kaedah *purposive sampling* digunakan untuk kajian ini di mana responden dipilih berdasarkan ciri-ciri yang khusus (Cohen et al., 2017). Responden dipilih di kalangan wanita yang mempunyai anak yang masih memerlukan penjagaan. Pengumpulan data berasaskan internet ini mengambil masa selama tiga bulan untuk dilengkapkan. Melalui emel dan WhatsApp yang dihantar, 362 jawapan responden telah dianalisis. Analisis statistik deskriptif - kekerapan, min, median dan mod digunakan untuk kajian ini bagi membantu menggambarkan, menunjukkan atau meringkaskan titik data dengan cara yang konstruktif (Sekaran & Bougie, 2009).

## 4.0 DAPATAN KAJIAN

Daripada 362 responden di kalangan wanita berkahwin dan mempunyai anak di kalangan mereka yang bekerja, responden paling ramai adalah dari negeri Melaka (33.4%) dan diikuti Selangor (29.6%). Responden dari negeri-negeri lain di Malaysia termasuk Wilayah Persekutuan melibatkan antara 0.6% – 5.8% daripada jumlah keseluruhan. Dari segi tempat bekerja, 71.3% responden merupakan kakitangan kerajaan manakala 28.7% adalah kakitangan sektor swasta.

Berdasarkan maklumat dari Jadual 1, seramai 344 (95.0%) responden melibatkan wanita dalam ikatan perkahwinan, manakala mereka yang telah kematian suami (balu) dan telah bercerai melibatkan 13 orang (3.6%) dan 5 orang (1.4%). Dari segi latar belakang akademik, kurang 10.0% responden berpendidikan peringkat sekolah menengah. Ini bermakna, majoriti responden mempunyai latar belakang pendidikan peringkat tertiar. Jadual 1 menunjukkan, responden paling ramai dikalangan mereka yang mempunyai Ijazah (38.7%) diikuti yang memiliki kelulusan peringkat paska siswazah (30.7%) dan sijil / diploma (21.0%).

Jadual 1 juga menunjukkan 86.2% responden adalah mereka yang berumur 25-44 tahun. Kelazimannya, peringkat umur ini, ibu-ibu mempunyai anak yang perlukan penjagaan apabila mereka hendak keluar untuk bekerja. 55.8% responden berada dalam kategori pekerja peringkat pengurusan pertengahan.

Jadual 1 : Maklumat demografik responden

Maklumat demografik		Jumlah	Peratus
Status perkahwinan			
1	Bercerai	5	1.4
2	Berkahwin	344	95.0
3	Balu	13	3.6
	Jumlah	362	100.0
Kelulusan tertinggi			
1	SPM/STPM	35	9.7
2	Sjil / Diploma	76	21.0
3	Ijazah	140	38.7

4	Sarjana/PhD	111	30.7
	Jumlah	362	100
Kumpulan umur			
1	15 - 24 tahun	4	1.1
2	25 - 34 tahun	138	38.1
3	35 - 44 tahun	174	48.1
4	45 - 54 tahun	41	11.3
5	55 - 64 tahun	5	1.4
	Jumlah	362	100
Kategori pekerjaan			
1	Kakitangan sokongan	140	38.7
2	Pengurusan pertengahan	202	55.8
3	Pengurusan tertinggi	20	5.5
	Jumlah	362	100
Kategori pendapatan isirumah			
1	B40	235	64.9
2	M40	92	25.4
3	T20	35	9.7
	Jumlah	362	100

Pendapatan isi rumah untuk kajian ini telah dikategorikan mengikut tahap isi rumah di Malaysia (DOSM, 2020). Untuk pendapatan di bawah RM4,850 dikategorikan sebagai B40, pendapatan dari RM4,851 hingga RM10,970 adalah M40 dan T20 untuk pendapatan melebihi RM 10,971 (DOSM, 2020). Jadual 1 menunjukkan bahawa 64.9% responden berada dalam kategori B40, 25.4% dari M40 dan 9.7% dari T20.

Dari Jadual 2, didapati, seramai 191 orang (52.8) responden mempunyai bilangan anak antara 1-2 orang dan 140 orang (38.7%) responden mempunyai 3-4 orang anak. Namun, dari jumlah tersebut, majoriti responden mempunyai 1-2 orang anak yang masih memerlukan penjagaan samada di taska, pengasuh ataupun dijaga oleh ahli keluarga kerana belum mencapai umur persekolahan. Jadual 2 turut menunjukkan 61% atau 221 orang responden membelanjakan 10% dan lebih dari pendapatan untuk penjagaan anak apabila mereka berada di tempat kerja.

**Jadual 2 : Maklumat berkaitan anak**

Maklumat berkaitan anak responden		Jumlah	Peratus
Bilangan anak responden			
1	1-2 orang	191	52.8
2	3-4 orang	140	38.7
3	5-6 orang	29	8.0
4	7-8 orang	2	0.6
	Jumlah	362	100
Biilangan anak masih memerlukan penjagaan			
1	1 orang	146	40.3
2	2 orang	136	37.6
3	3 orang	53	14.6
4	4 orang dan ke atas	27	7.5
	Jumlah	362	100
Peratus perbelanjaan anak dari pendapatan			
1	9 peratus dan kebawah	141	39.0
2	10 - 15 peratus	100	27.6
3	16 - 20 peratus	50	13.8
4	21 - 25 peratus	19	5.2

5	26 -30 peratus	14	3.9
6	31 peratus dan ke atas	38	10.5
	Jumlah	362	100

Di dalam borang soal selidik, beberapa soalan ditanyakan kepada responden untuk mengukur nilai min, mod median dan mod bagi setiap pembolehubah tidak bersandar. Skala likert dengan nilai Sangat tidak setuju (1) Tidak bersetuju (2) Neutral (3) Setuju (4) dan sangat setuju (5) digunakan sebagai ukuran jawapan dari responden dan diterjemahkan dalam dapatan kajian seperti di Jadual 3.

Dari Jadual 3, nilai statistik **akses kepada tempat jagaan kanak-kanak** menunjukkan nilai min, median dan mod masing-masing adalah 3.57, 3.67 dan 4.00. Untuk ketiga-tiga nilai yang menghampiri 4 dalam skala likert, ini menunjukkan responden setuju bahawa tempat jagaan kanak-kanak adalah mudah diakses.

**Jadual 3 : Nilai statistik pembolehubah**

Pembolehubah tidak bersandar	Akses kepada tempat jagaan kanak-kanak	Kos penjagaan kanak-kanak	Bantuan kewangan untuk penjagaan kanak-kanak
Keterangan	Tempat jagaan kanak-kanak mudah di akses	Kos berpatutan untuk servis penjagaan kanak-kanak	Bantuan kewangan akan meringankan beban kos yang tinggi
Min	3.57	2.71	4.29
Median	3.67	2.50	4.33
Mod	4.00	2.00	5.00

Bagi pembolehubah **kos penjagaan kanak-kanak** pula, nilai min (2.71) dan median (2.50) menunjukkan ramai ke arah skala likert yang menyatakan “neutral”. Namun, mod data yang bernilai 2.00 menjelaskan bahawa responden majoritinya berpendapat kos servis penjagaan kanak-kanak adalah tidak berpatutan.

Responden soal selidik kajian ini turut ditanya tentang **bantuan kewangan untuk penjagaan kanak-kanak**. Nilai min 4.29 menunjukkan purata responden bersetuju, begitu juga dengan median pada nilai 4.33. Namun, mod data yang bernilai 5.00 menunjukkan paling ramai responden menyatakan sangat setuju bahawa bantuan kewangan akan meringkankan beban kos yang tinggi.

**Jadual 4 : Perincian masalah berkaitan akses dan kos penjagaan kanak-kanak**

Isu	Ibu Bekerja	
	Jumlah	%
<b>Mencari tempat penjagaan anak di kawasan kediaman</b>		
1 Bermasalah	202	55.8
2 Neutral	56	15.5
3 Tiada masalah	104	28.7
Keseluruhan	362	100.0
<b>Mencari tempat penjagaan anak di kawasan tempat kerja</b>		
1 Bermasalah	222	61.3
2 Neutral	49	13.5
3 Tiada masalah	91	25.1
Keseluruhan	362	100.0
<b>Masalah dengan kos penjagaan kanak-kanak</b>		
1 Bermasalah	227	62.7
2 Neutral	59	16.3
3 Tiada masalah	76	21.0
Keseluruhan	362	100.0

Walaupun analisa maklumat dari Jadual 3 menyatakan responden bersetuju bahawa tempat jagaan kanak-kanak adalah mudah diakses, perincian dari Jadual 4 memberikan maklumat yang lebih jelas. 55.8% ibu bekerja menghadapi masalah mencari tempat penjagaan kanak-kanak di sekitar kawasan kediaman manakala 61.3% sukar mencari di sekitar tempat bekerja.

Selari dengan Jadual 3 yang menyatakan kos servis penjagaan kanak-kanak adalah tidak berpatutan, 62.7% (227 orang) responden menyatakan mereka berhadapan dengan masalah kos penjagaan anak apabila si ibu perlu keluar bekerja.

Dapatan analisa yang menggunakan kecenderungan memusat ini memberi input yang sangat penting berkaitan objektif kajian. Justeru itu, dua perkara dapat disimpulkan ;

- i. Walaupun ibu bapa menyatakan terdapat akses kepada tempat jagaan kanak-kanak, namun masih terdapat kesukaran mendapatkan tempat yang sesuai dengan kehendak mereka
- ii. Selain ibu bapa menyatakan kos penjagaan kanak-kanak adalah relatifnya melibatkan perbelanjaan yang besar dan mahal, mereka juga kurang berupaya menghadapi kos penjagaan yang tinggi
- iii. Majoriti ibu bapa bersetuju bahawa jika ada bantuan kewangan, kos mereka akan berkurangan dan ibu masih boleh kekal berada di pasaran buruh dengan anak-anak dijaga di tempat jagaan yang bersesuaian

## 5.0 RUMUSAN DAN PERBINCANGAN

Maklumat demografik responden menunjukkan bahawa ibu yang bekerja datang dari pelbagai kategori. Walaupun jumlah ibu yang telah bercerai dengan pasangan dan berstatus balu adalah tidak ramai, namun mereka ini mempunyai tanggungan kewangan yang lebih besar dari mereka yang masih bersuami. Perbezaan kelulusan akademik, peringkat umur dan kategori pekerjaan, akan meletakkan mereka di dalam kategori pendapatan samada B40, M40 atau T20.

Selari dengan pertumbuhan penduduk yang makin menurun sekarang ini, majoriti responden mempunyai anak empat orang dan ke bawah. Namun, masih ramai yang perlu menghantar lebih seorang anak ke tempat jagaan apabila ibu bapa keluar bekerja. Dalam keadaan kos hidup yang relatifnya meningkat, kos penjagaan yang tinggi dilihat tidak berbaloi untuk si ibu keluar bekerja. Justeru, apabila kos penjagaan anak melibatkan nilai yang besar berbanding pendapatan, ramai yang memilih untuk berhenti kerja dan keluar dari pasaran buruh (Kinoshita & Guo, 2015; Pilarz, 2018).

Ada ibu bapa yang memilih tempat jagaan kanak-kanak berhampiran rumah untuk mudah urusan menghantar dan mengambil anak sebelum dan apabila pulang dari kerja. Namun sesetengah ibu bapa memilih tempat jagaan yang berhampiran tempat kerja agar mereka senang menjenguk anak di waktu rehat. Dapatan kajian menjelaskan bahawa majoriti responden berhadapan masalah memenuhi keperluan tersebut. Masalah bertambah apabila kod servis penjagaan kanak-kanak yang dianggap mahal dan tidak berpatutan yang perlu mereka hadapi untuk kekal berada dalam pasaran buruh.

Tidak dinafikan, terdapat pelbagai bentuk bantuan dan sokongan diberikan oleh kerajaan Malaysia untuk memperkasakan wanita dalam pasaran buruh. Namun, bantuan seperti subsidi bukanlah tersedia kepada semua ibu bapa (Zaid et al., 2020). Bagi mereka dalam kumpulan M40 atau T20 namun mempunyai tanggungan yang ramai, bantuan kewangan untuk penjagaan kanak-kanak tidak harus diabaikan. Selain berpandukan pelbagai konsep pemberian bantuan kewangan di negara lain, Malaysia wajar meningkat sistem sokongan bagi memastikan wanita masih mampu menyumbang di pasaran buruh tanpa mengabaikan peranan sebagai ibu dalam keluarga. Justeru, usaha lebih bersepadu dan komprehensif adalah sangat diperlukan.

Hakikatnya, model dan pelaksanaan bantuan kewangan di negara lain dalam memastikan kadar penyertaan wanita pada nilai yang sesuai wajar dijadikan panduan (Kinoshita & Guo, 2015; Anderson et al., 2016; Pilarz, 2018). Jika ada pelaksanaan yang memerlukan perubahan polisi dan akta, ia haruslah melibatkan semua agensi samada kerajaan mahupun swasta. Ini kerana, semua individu yang bekerja akan menyumbang tenaga dan kepakaran dalam sektor yang diceburi. Mereka yang bekerja diperlukan untuk mewujudkan kelebihan daya saing dan meningkatkan produktiviti negara. Selain boleh meningkatkan pendapatan keluarga, wanita yang mempunyai pendapatan akan mempunyai kuasa beli yang lebih baik dan mampu mengurangkan tanggungan kewangan keluarga yang berada di zaman kos hidup yang kian meningkat.

Limitasi kajian ini adalah tiada maklumat spesifik bentuk bantuan kewangan yang diperlukan oleh responden. Justeru, kajian di masa akan datang boleh memberi fokus kepada bentuk bantuan yang lebih menjurus kepada meringankan tanggungan kewangan ibu bapa bekerja secara menyeluruh.

## SENARAI RUJUKAN

- A. Ruban. (2018, July 7). Why some parents use unregistered child care. *The Malay Mail*. <https://www.malaymail.com/news/malaysia/2018/07/07/why-some-parents-use-unregistered-child-care/1649681>
- Agusta, M. R., & Ghuzini, D. (2020). Employment Condition, the Effects of Husband's Occupation, and Education on Participation of Married Women in the Indonesian Labor Market. *Jurnal Ekonomi Dan Pembangunan*, 28(2).
- Ahmad, E., & Hafeez, A. (2007). Labour Supply and Earning Functions of Educated Married Women: A Case Study of Northern Punjab. *The Pakistan Development Review*, 1(46), 45–62.
- Anderson, L., Ballantyne, M., & Friendly, M. (2016). *Child care for all of us: Universal child care for Canadians by 2020* (Issue December).
- Becker, G. S. (1974). A Theory of Marriage. In *Economics of the Family: Marriage, Children and Human Capital: Vol. 1* (pp. 299–351). <http://www.nber.org/chapter/c2970>
- Bernamea. (2020, June 27). Penjaja: 7,000 childcare operators nationwide to receive grants. *New Straits Times*. <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/06/603956/penjaja-7000-childcare-operators-nationwide-receive-grants>
- Bibi, A., & Afzal, A. (2012). Determinant of Married Women Labor Force Participation in Wah Cantt: A descriptive Analysis. *Academic Research Journal*, 2(1), 599–622.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2017). Research Methods in Education. In *Research Methods in Education*. <https://doi.org/10.4324/9781315456539>
- DeBord, K. (1914). *Quality Child Care: What does it really mean?*
- Diah, W. (1998). Determinants of labour force participation by married women: the case of Jakarta. *Bulletin of Indonesian Economic Studies*, Vol 34(2), 93–120.
- Du, F., & Dong, X. (2013). Women's Employment and Child Care Choices in Urban China during the Economic Transition.

*Economic Development and Cultural Change*, 62(1), 131–155.

- Faridi, M. Z., Chaudry, I. S., & Anwar, M. (2009). The Socio-Economic and Demographic Determinants of Women Work Participation in Pakistan : Evidence from Bahawalpul District. *Journal of South Asian Studies*, 24(2), 353–369.
- Forry, N., Daneri, P., & Howarth, G. (2013). *Child Care Subsidy Literature Review* (Issue December). <http://www.acf.hhs.gov/programs/opre/index.html>
- Hotchkiss, J. L. (2005). *What's Up with the Decline in Female Labor Force Participation?* (No. 2005–18; Issue August).
- Hotchkiss, J. L., Pitts, M. M., & Walker, M. B. (2008). *Working With Children? The Probability of Mothers Exiting the Workforce at Time of Birth*.
- International Labour Organization. (2021). *Labor force participation rate, female*. World Bank. <https://data.worldbank.org/indicator/SL.TLF.CACT.FE.ZS>
- Ismail, R., & Sulaiman, N. (2014). Married women labor supply decision in Malaysia. *Asian Social Science*, 10(3), 221–231. <https://doi.org/10.5539/ass.v10n3p221>
- Jabatan Perangkaan Malaysia. (2021). *Laporan Survei Tenaga Buruh*.
- Janta, B. (2014). *Caring for children in Europe: How childcare, parental leave and flexible working arrangements interact in Europe*.
- Jayachandran, S. (2021). Social Norms as a Barrier to Women's Employment in Developing Countries. *IMF Economic Review*, 69(3). <https://doi.org/10.1057/s41308-021-00140-w>
- Kinoshita, Y., & Guo, F. (2015). *What Can Boost Female Labor Force Participation in Asia?* (WP/15/56).
- Leila Schochet. (2019). *The Child Care crisis is keeping women out of the workforce*.
- Lokman, T. (2019, August 11). Affordable, quality childcare out of reach. *New Straits Times*. <https://www.nst.com.my/news/nation/2019/08/512009/affordable-quality-childcare-out-reach>
- Mahoney, T. A. (1961). Factors Determining the Labor-force Participation of Married Women. *Industrial and Labor Relation Review*, 14(4), 563–577.
- Mohd Amin, S. (2016). *Labor supply of educated married women in Malaysia and its association with child care arrangements*. University of Malaya.
- Mohd Amin, S., P.Rameli, M. F., Ab Hamid, N., Abdul Razak, A. Q., & Abd Wahab, N. A. (2016). Labour supply among educated married women influenced by children. *Journal of Global Business and Social Entrepreneurship (GBSE)*, 2(4), 110–117.
- Mohd Amin, S., P.Rameli, M. F., Ibrahim, K., Ab Hasan, Z., & Othman, A. (2018). Child safety matter: factors affecting the participation of educated mothers in the labour market. *International Journal for Studies on Children, Women, Elderly And Disabled*, 5(Oct.), 299–304.
- Mohd Amin, S., P.Rameli, M. F., Othman, A., Ab Hasaan, Z., & Ibrahim, K. (2017). Decision To Work By Educated Married Women. *Advanced Science Letters*, 23(8), 7702–7705.
- Ngah, M. A., & Halid, S. (2019, July 21). Kos Taska, Tadika punca beban kewangan. *Berita Harian*. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2019/07/587662/kos-taska-tadika-punca-beban-kewangan>
- Noor Rahamah, A. B. (2007). Women in the Labour Force in Malaysia. *International Journal of the Humanities*, 4, 117–126.
- OECD. (2018). How does access to early childhood services affect the participation of women in the labour market? *OECD Education Indicators in Focus, February*.
- Pilarz, A. R. (2018). Child care subsidy programs and child care choices: Effects on the number and type of arrangements. *Children and Youth Services Review*, 95(October), 160–173. <https://doi.org/10.1016/j.childyouth.2018.10.013>
- Sekaran, U., & Bougie, R. (2009). *Research Methods for Business* (Fifth). A John Wiley and Sons, Publication.
- Sinar Harian. (2020, June 8). *Yuran taska bawah RM600 tidak dapat tampung kos operasi*. <https://www.sinarharian.com.my/article/86893/BERITA/Nasional/Yuran-taska-bawah-RM600-tidak-dapat-tampung-kos-operasi>
- Siti Rohani, Y. (1994). The Development process and Women's Labor Force Participation - A Macro Level Analysis of Pattern and Trends 1957-1990. In *Readings On Women and Development in Malaysia* (pp. 23–54). MPH Group Printing, Kuala Lumpur (republish).
- Spencer, B. (1973). Determinant of the labour force participation of married women : A micro-study of Toronto Household. *The Canadian Journal of Economics*, 6(2), 222–238.
- United Nation. (2021). *Goal 5: Achieve gender equality and empower all women and girls*. United Nation. <https://www.un.org/sustainabledevelopment/gender-equality/>
- Van Der Klaauw, W. (1996). Female Labour Supply and Marital Status Decisions: A Life-Cycle Model. *Review of Economic Studies*, 63(2), 199–235. <http://www.scopus.com/inward/record.url?eid=2-s2.0-2742560759&partnerID=tZOtx3y1>
- Vu, L. H., Tran, T. Q., & Phung, T. D. (2021). Children and female labor market outcomes in Vietnam. *Heliyon*, 7(7). <https://doi.org/10.1016/j.heliyon.2021.e07508>
- Workman, S. (2021, June 28). The True Cost of High-Quality Child Care Across the United States. *Center for American Progress*. <https://www.americanprogress.org/issues/early-childhood/reports/2021/06/28/501067/true-cost-high-quality-child-care-across-united-states/>
- Yamamura, E., & Mano, Y. (2010). *Effects of Husband's Education and Family Structure on Labor Force Participation and Married Japanese Women's Earnings* (Issue 23957).
- Zaid, Z., Mohd Amin, S., & Abd. Halim, M. N. (2020). Positioning childcare matters among working mothers. *Journal of Contemporary Social Science Research*, 4(1), 107–116.